



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN PERHEBAT TINDAKAN PENGUATKUASAAN MELIBATKAN KESALAHAN DALAM TALIAN

PORT DICKSON, 17 OGOS 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terus memperhebatkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan atas urus niaga yang dilakukan secara dalam talian demi melindungi pengguna daripada manipulasi peniaga yang tidak beretika. Ini bersesuaian dengan kefungsiannya KPDN untuk menguatkuasakan perundangan berkaitan seperti Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599), Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122), Akta Perdagangan Elektronik 2006 (Akta 658) dan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik) 2012.

Pada masa yang sama, KPDN juga bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan penyedia perkhidmatan internet (ISP) dalam memantau promosi dan pengiklanan perniagaan yang melibatkan transaksi secara dalam talian. Melalui kerjasama rapat ini, tindakan halangan akses telah dilaksanakan ke atas 4,324 laman web (site blocking) atas pelbagai kesalahan sejak tahun 2018 hingga 15 Ogos 2024. Antaranya, penjualan barangan tiruan, pengedaran karya cetak rompak seperti filem dan perisian komputer serta penawaran jualan langsung yang berunsurkan skim piramid.

Dalam tempoh yang sama, KPDN telah bekerjasama dengan penyedia platform e-dagang untuk menurunkan sebanyak 3,408 iklan. Antara kesalahan yang berkaitan adalah penjualan barang kawalan melebihi harga yang diwartakan, penjualan barangan tiruan, penggunaan perkataan *no palm oil* ke atas produk jualan tertentu.

KPDN akan terus memperkasa kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan seperti SKMM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta ISP dan penyedia platform e-dagang bagi memastikan kesalahan urus niaga dalam talian ini dapat dibanteras daripada terus berleluasa. Ini penting untuk melindungi kepentingan pengguna dan sekali gus mewujudkan persekitaran perdagangan dalam negeri yang sihat dan progresif.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###